

## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Loo Siong Hong (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan bagi pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menghalang meter elektrik daripada merekodkan dengan sempurnanya penggunahabisan elektrik, iaitu dengan membuat pintasan yang disambung pada bahagian terminal keluaran suis fuis di panel meter dan dialirkan ke premis melalui *metal cable trunking* dan ditamatkan pada sistem komputer. Pada 5 Januari 2026, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM80,000.00 jika gagal bayar 12 bulan penjara. OKS telah membayar denda tersebut.